

BELAJAR DARI MUSIBAH TINGKAT KESABARAN, KEIMANAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنَ نَفْسِكَ وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ

رَسُولًا وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٧٩﴾

(Surah An-Nisa, ayat 79)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersyukur dengan pengurniaan Islam sebagai agama dan cara hidup kita dengan niat serta iltizam yang ikhlas melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan keikhlasan beribadat kepada-Nya akan menganjatkan diri kita ke darjat taqwa, iaitu prasyarat utama untuk memperolehi ganjaran syurga di akhirat nanti.

Ini bertepatan dengan mafhum Hadith daripada Abu Umamah RA katanya, Nabi SAW bersabda: *"Bertaqwalah kepada Tuhan kamu, tunaikanlah solat lima waktu kamu, berpuasalah pada bulan kamu (Ramadan), tunaikanlah zakat harta kamu dan taatilah orang yang mengendalikan urusan kamu, nescaya kamu memasuki syurga Tuhan kamu"*. (HR At-Tirmizi)

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Lebih kurang setahun yang lalu, iaitu tepatnya pada 5 Jun 2015, gunung Kinabalu dan kawasan sekitarnya telah digegarkan oleh gempa bumi berkekuatan 5.9 pada skala Richter pada kira-kira jam 7.13 pagi. Peristiwa yang tidak pernah diduga itu bukan sahaja telah menyebabkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda serta infrastruktur, malahan hingga ke hari ini masih ada mangsa yang trauma mengengangkannya. Bak kata pepatah: betapa berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.

Dari cakap-cakap orang kebanyakan, kononnya petaka gempa itu berlaku disebabkan oleh perbuatan salah laku beberapa pelancong asing yang berbogel di puncak gunung yang tertinggi di Asia Tenggara itu. Walaupun dakwaan itu tidak dapat dibuktikan secara saintifik, namun hakikatnya setiap musibah dan bencana yang terjadi berpunca daripada sebab akibat perbuatan dan onar manusia sendiri. Kenyataan ini bertepatan dengan peringatan yang diberikan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَمِنْ آيَاتِهِ الْجَوَارِ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَمِ ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: “Dan apa jua yang menimpa kamu dari suatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.” (S. Asy-Syuraa: 32).

Mafhum ayat ini menjelaskan bahawa bencana serta musibah yang menimpa manusia di muka bumi ini adalah angkara manusia sendiri. Ia merujuk kepada sikap sebahagian besar manusia yang enggan melaksanakan suruhan Allah SWT tetapi seronok pula melakukan maksiat dan kemungkaran yang dilarang-Nya. Lantaran kedegilan dan kesombongan manusia itu, Allah SWT menurunkan bala sebagai amaran serta pengajaran agar manusia kembali bertaubat dan mengamalkan ajaran agama kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani hamba-hamba-Nya yang mahu beringat dan kembali beriman kepada-Nya.

HADIRIN JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Walau apapun sebab-musabab di sebalik bencana gempa bumi yang melanda negeri Sabah tahun lalu tersebut, yang pasti, tiada siapapun di antara rakyat negeri ini yang mahu mengalami sekali lagi peristiwa yang mengerikan itu. Maka, marilah kita sama-sama mengambil iktibar daripada musibah itu dengan menyakini bahawa di sebalik setiap takdir Allah SWT pasti ada hikmahnya yang tersirat.

Sebagai Muslim, kita wajib meyakini bahawa Allah SWT adalah Zat yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Mustahil bagi Allah untuk berlaku zalim terhadap manusia dan makhluk lain yang menghuni alam ini. Cuma, kita harus menerima hakikat bahawa dalam hidup ini kita tidak akan terlepas daripada diuji oleh Allah SWT. Ujian itu pula berbagai bentuk, seperti bencana alam, kesihatan, kesakitan, kematian, kekayaan, kemiskinan dan sebagainya.

Pendek kata, sama ada kebahagiaan, kesenangan mahupun kesusahan yang kita alami berupa ujian. Ia antara lain bertujuan menguji sejauh mana tahap kesabaran, keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT selaras firman-Nya:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَكَثِيرٌ
الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَٰئِكَ
عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Yang bermaksud: “Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar; (iaitu) orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka mengucapkan Inna Lillahi wa ilahi raji'un (iaitu sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali). Mereka itu ialah orang yang dilimpahi dengan berbagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk hidayah.” (S. Al-Baqarah: 155-157).

Melalui ayat ini, Allah SWT menganjurkan kita supaya tidak berasa lemah semangat, berduka cita, berputus asa, bersedih secara berlebihan, apatah lagi menyalahkan takdir tatkala menghadapi musibah dan bencana yang berlaku. Sebaliknya, setiap musibah dan bencana yang melanda hendaklah dihadapi dengan sabar dan bertawakal kepada Allah SWT. Ini kerana, musibah mahupun bencana yang menimpa itu selain merupakan satu pengajaran, ia juga menguji sejauh mana tahap keimanan dan kesabaran kita.

Justeru, kesabaran dalam menghadapi segala bentuk musibah hendaklah kita zahirkan dengan mengucapkan lafaz al-istirja', iaitu "Inna Lillahi wa ilahi raji'un: yang bererti: sesungguhnya kami ini milik Allah SWT dan kepada-Nya kami kembali. Lafaz al-istirja' ini melambangkan kemurnian tauhid, yakni menyedari serta memahami bahawa semua perkara di dunia ini adalah milik mutlak Allah SWT. Hakikatnya, apa yang kita miliki pada hari ini bukanlah milik kita tetapi kita semua harus sentiasa bersangka baik terhadap apa yang Allah SWT takdirkan untuk kita.

KAUM MUSLIMIN YANG MULIA,

Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: *"Tidak ada kebaikan dalam kehidupan ini melainkan orang yang benar-benar mahu mendengar dan merenung diri atau orang yang berilmu dan berkata benar. Wahai manusia! Kalian semua berada pada satu zaman yang penuh dengan kemelut dan krisis. Di samping itu, masa juga berjalan begitu pantas. Pada waktu itu, kalian semua yang menyaksikan sesuatu yang asing dan baru akan berlaku silih berganti siang malam serta sesuatu yang jauh akhirnya menjadi lebih dekat di samping berselang-selang satu demi satu apa yang dijanjikan Allah."* (HR Ibnu 'Asakir).

Sehubungan dengan mafhum sabda Baginda SAW tersebut, bencana mahupun musibah yang berlaku seharusnya difahami dan ditanggapi secara positif. Ini kerana, di sebalik musibah tersirat saranan untuk mempertingkatkan kesabaran, keimanan dan ketakwaan hamba kepada Allah SWT, sekali gus menjadi medium perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik dan diredai Allah SWT. Maka, mereka yang menerima musibah sewajarnya melakukan introspeksi supaya kelemahan yang ada diperbaiki dan diatasi kerana berkemungkinan terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang. Tambahan pula, kekuatan seseorang manusia, khususnya Muslim itu bukan sahaja diukur dari segi jasmani tetapi juga dinilai daripada aspek kekuatan rohani yang didasari iman dan taqwa.

Kehidupan yang tidak berasaskan iman dan takwa menjadi punca berleluasanya kekufuran, kesyirikan, kemaksiatan, kefasikan dan pendustaan terhadap Allah SWT yang mengundang azab dan malapetaka. Sebaliknya, keimanan dan ketaqwaan yang bertapak kukuh dalam jiwa setiap Muslim akan menjadi faktor utama turunnya rahmat dan barakah daripada Allah SWT sejajar dengan firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا

فَأَخَذْنَا مِنْهُم مَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٦﴾

Yang bermaksud: *"Dan (Tuhan berfirman lagi): Jika penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, tentu Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka usahakan."* (S. Al-A'raf: 96).

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sebagai kesimpulannya, sama ada kita pernah dilanda musibah ataupun tidak, perlu kita insafi bersama bahawa apabila Allah SWT menurunkan sesuatu bala bencana, ia bukan sahaja akan menimpa orang zalim secara khusus, akan tetapi akan menimpa manusia secara umum. Jadi, sesiapa yang terselamat dari bencana dan musibah adalah orang yang beruntung kerana masih diberi kesempatan oleh Allah SWT untuk memperbaiki keadaan hidupnya khususnya dari segi keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Dengan kesempatan itu juga membolehkan dia bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT atas segala kesalahan serta dosa yang dilakukan sekali gus berbuat kebajikan sepanjang sisa hidup untuk menambah saham akhirat.

Justeru, marilah kita sama-sama manfaatkan hayat yang masih berbaki ini untuk tidak melakukan apa jua perkara atau perbuatan yang mengundang murka Allah SWT dan bala bencana. Bagi maksud ini, marilah kita mempererat hubungan kita dengan Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Pada masa sama, marilah kita berusaha sedaya upaya untuk mempererat hubungan kita sesama manusia dengan membudayakan amalan saling berkerjasama, tolong menolong dan saling berkasih sayang ke arah memperkukuh keharmonian sosial.

Berkat hubungan yang baik dengan Allah SWT dan hubungan yang baik dengan sesama manusia, insya Allah kita berhasil menjadi orang yang bertaqwa dan terselamat daripada ditimpa kehinaan daripada segala jurusan.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ تَجْعَلْ لَكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرَ لَكُمْ
وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar." (S. Al-Anfal: 29).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.